

19 JAN 2004

MAJIKAN BOLEH DAPAT BORANG E DAN JADUAL POTONGAN CUKAI BERJADUAL LHDN

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Para majikan boleh mendapat jadual potongan cukai berjadual (PCB) 2004 dan borang E atau Penyata Saraan Majikan untuk tahun 2003 daripada semua cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

LHDN dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkannya hari ini berkata jadual PCB baru yang dikeluarkan pada 6 Jan lepas akan berkuatkuasa untuk saraan bulan Januari dan digunapakai bagi meremitkan PCB bulan itu, selewat-lewatnya pada atau sebelum 10 Feb ini.

Jadual baru ini mengambil kira pindaan Bajet 2004 iaitu kenaikan pelepasan anak dari RM800 hingga RM1,000 seperti diumumkan oleh bekas Menteri Kewangan Tun Dr Mahathir Mohamad pada pembentangan Belanjawan 2004 tahun lepas.

Borang E yang bertarikh 31 Jan 2004 pula, telah dikeluarkan kepada semua majikan dan mereka diminta mengembalikan borang yang telah diisi kepada LHDN dalam tempoh 30 hari dari tarikh yang tertera pada borang berkenaan.

Menurut kenyataan itu lagi majikan yang telah bertukar alamat dan belum mengemaskini rekod dengan LHDN diminta menghubungi cawangan LHDN terdekat untuk mendapatkan borang-borang berkenaan atau memuat turun dari laman web LHDN, <http://www.hasilnet.org.my>.

-- BERNAMA

ABI HK ROS